

27/05/2000

Pendidikan Islam perlu dirombak

JITRA, Jumaat - Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, kurikulum pengajian Islam dalam sistem pendidikan negara perlu dirombak kerana ia kurang berkesan untuk membangunkan peribadi mulia umat Islam.

Perdana Menteri berkata, pendidikan agama yang digunakan sekarang gagal membentuk nilai mulia di kalangan pelajar Islam kerana masih ramai yang terbabit melakukan kegiatan negatif dan dilarang agama.

Katanya, jika kurikulum itu berkesan, umat Islam akan secara automatik tidak melakukan kegiatan negatif dan bercanggah dengan ajaran Islam.

Beliau berkata, ia gagal mencapai matlamat sebenar kerana penumpuan lebih banyak diberikan kepada pendidikan fardu ain, berbanding fardu kifayah.

"Kita dapati didikan agama sehingga kini tak berjaya menjadikan anak-anak sebagai orang yang pegang kepada nilai yang mulia. Anak orang Islam tak berminat nak belajar, ponteng sekolah dan kadang-kadang bila nak balik (dari sekolah) pergi pusat beli-belah.

"Ada yang terbabit memukul kawan-kawan, ada yang terbabit dengan dadah dan sebagainya. Kalau mereka itu menerap nilai-nilai Islam dengan sendirinya mereka akan tolak dengan mudah. Tetapi bila mereka menerima perkara yang tak baik ini, maka kurikulum kita tidak berkesan untuk membangunkan peribadi yang mulia," katanya kepada pemberita di sini, hari ini.

Beliau ditanya arahnya meminta Jabatan Kemajuan Islam (Jakim), Kementerian Pendidikan dan kerajaan negeri mengkaji bagi merombak kurikulum pengajian Islam di sekolah dan institusi pengajian tinggi ketika perjumpaannya dengan Menteri Besar dan Ketua Menteri, baru-baru ini.

Rombakan itu perlu berikutan timbul kekeliruan di kalangan masyarakat Islam terhadap tanggungjawab mereka kepada agama dan negara berikutan penekanan berlebihan terhadap ilmu fardu ain.

Cadangan pelaksanaan rombakan dan kajian itu akan dibincangkan dalam mesyuarat pihak terbabit minggu ini.

Mengulas lebih lanjut, Dr Mahathir berkata pada masa ini, fardu kifayah tidak diberi penekanan berbanding fardu ain yang matlamatnya adalah untuk individu Islam sebagai persediaan di akhirat.

Bagaimanapun, fardu kifayah menjadi tanggungjawab seluruh umat dalam sesebuah masyarakat bagi membangunkan keseluruhan umat dan negara.

"Umpamanya kalau umat Islam menjadi lemah, maka seluruh masyarakat Islam itu akan berdosa. Sebab itu kita perlu kepada kecekapan dalam bidang ketenteraan dan kemampuan mengeluarkan peralatan pertahanan. Kita perlu kepada doktor dan jurutera.

"Semua orang ini diperlukan. Masyarakat itu dianggap belum menunaikan fardu kifayah kalau tak ada orang ini dalam masyarakat Islam. Jika orang Islam lemah dan ditindas, maka yang berdosa ialah seluruh masyarakat Islam, walaupun dia sembahyang dan buat semua ibadat," katanya.

(END)